



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

MEGATREND GLOBAL TURUT PENGARUHI KELUARGA DI MALAYSIA

PUTRAJAYA, 29 FEB – *Megatrend* global seperti migrasi, perubahan iklim, pambandaran, kemajuan teknologi, transisi demografi (termasuk populasi yang semakin tua dan kadar kesuburan yang berubah-ubah), sangat mempengaruhi dan memberi kesan ke atas institusi keluarga di dunia termasuk Malaysia.

Perkara ini menjadi perbincangan utama dalam *International Forum on Families and Megatrends* di sini, bersempena Sambutan *International Year of Family* ke-30. Forum julung kali diadakan di Malaysia adalah anjuran bersama United Nations (UN) Department of Economic and Social Affairs, International Federation for Family Development (IFFD) dan Doha International Family Institute (DIFI).

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam ucapan perasmian penutup forum mengakui bahawa perubahan tersebut memerlukan pengaturan penjagaan, tahap kewangan yang sentiasa dikemaskini serta bimbingan kepada keluarga supaya dapat menonjolkan peranan masing-masing selari dengan perubahan semasa termasuk peningkatan akses kepada maklumat dan teknologi demi kesejahteraan keluarga di negara ini.

YB Menteri juga menggariskan beberapa inisiatif bagi memperkukuhkan institusi keluarga di Malaysia, antaranya;

1. **Dasar Mesra Keluarga** merangkumi Dasar Keluarga Negara dan Pelan Tindakan yang memberi tumpuan kepada kesejahteraan keluarga berdasarkan nilai kekeluargaan seperti penyayang, kejujuran, keadilan dan kesaksamaan tanpa mengira status, jantina dan umur.

2. **Perkhidmatan Sokongan Keluarga** termasuk kaunseling, bengkel keibubapaan dan program bantuan kewangan;
3. **Program Pendidikan Keluarga** untuk menyediakan ibu bapa dengan pengetahuan dan kemahiran yang merangkumi teknik keibubapaan, perkembangan kanak-kanak dan komunikasi dalam keluarga;
4. **Penglibatan Komuniti** dalam menyokong keluarga melalui inisiatif seperti pusat sumber keluarga, aktiviti berasaskan komuniti, dan kumpulan sokongan yang menyediakan rangkaian bantuan untuk keluarga berkeperluan;
5. **Kempen Advokasi dan Kesedaran** dalam meningkatkan pemahaman tentang kepentingan kesejahteraan keluarga menerusi program kesedaran awam dan acara yang menonjolkan peranan keluarga dalam masyarakat serta menggalakkan nilai kekeluargaan yang positif selain menggalakkan penglibatan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Forum ini dibarisi oleh panel terdiri daripada Profesor Ki-Soo Eun, Pengarah *Center for Transnational Migration and Social Inclusion Graduate School of International Studies, Seoul National University (SNU)*; Tuan Muhammad Ridzwan bin Ali daripada Bahagian Perubahan Iklim, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC); dan Dr. Khalid Al Naama, Pengarah *Family Research and Policy Department, Doha International Family Institute (DIFI)*.

Penganjuran forum ini adalah kesinambungan kepada *Asian Expert Group Meeting* yang berlangsung di lokasi sama (semalam) yang menghimpunkan pakar dalam bidang demografi, kekeluargaan, perubahan iklim dan kesihatan reproduktif dari Korea Selatan, Thailand, Jepun, India, China, Nepal, Qatar dan Malaysia. Turut hadir ialah Datuk Dr. Maziah Che Yussof, Ketua Setiausaha KPWK dan Dato Sri Rohani Abdul Karim, Pengerusi LPPKN.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
29 FEBRUARI 2024**